



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN : 11/2023

PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH BAGI TAHUN 2023

Dengan hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang layak menduduki Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah bagi tahun 2023 dipelawa untuk mendaftar bagi menduduki peperiksaan tersebut.

Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai yang dipersyaratkan untuk **LULUS** Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah seperti yang terkandung dalam Surat Lantikan / Skim Perkhidmatan sebelum ditetapkan dalam jawatan masing-masing.
- 1.2 Pegawai yang mengulang semula kertas peperiksaan yang gagal.

2. JADUAL PEPERIKSAAN

TARIKH	KERTAS PEPERIKSAAN	MASA	TEMPAT
22 Oktober 2023 (Ahad)	Aturan Pejabat (AP)	8.00 – 9.00 pagi	1. Sekolah Rendah Kampong Mata-Mata, Gadong 2. Sekolah Rendah Pulaie, Berakas
	Pengetahuan Am (PA)	9.30 – 10.30 pagi	
	Surat Menyurat (SM)	11.00 – 12.30 t/hari	

N



3. TARIKH PERMOHONAN

TARIKH PERMOHONAN	
DIBUKA	DITUTUP
01 Julai 2023 Sabtu	17 Julai 2023 Isnin

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dan pencalonan akan dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing, sepertimana yang dijelaskan dalam memorandum Jabatan ini bilangan (57)JPA/1.5/SSM/1/2022 bertarikh 17 Rabiulawal 1444/13 Oktober 2022 bertajuk "Penggunaan Modul *Training and Event Management* Sistem Sumber Manusia."
- 4.2 *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui *front end* SSM mengenai permohonan yang telah dihadapkan iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. *Department HRD Administrator* seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.

5. PENGECUALIAN

- 5.1 Pemohon yang telah **LULUS** Peperiksaan Perdagangan Brunei (sekurang-kurangnya **PERINGKAT MENENGAH**) adalah dikecualikan dari menduduki peperiksaan **SURAT MENYURAT**. (*Salinan sijil hendaklah dihadapkan melalui e-mel kepada exam.hrsu@psd.gov.bn*).

AL



6. HAL-HAL LAIN

- 6.1 Pemohon yang telah didaftarkan oleh Urus Setia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam **TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENARIK DIRI** dari menduduki peperiksaan kecuali dengan alasan-alasan yang munasabah.
- 6.2 Surat tunjuk sebab atas ketidakhadiran menduduki peperiksaan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan.
- 6.3 Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410
E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله ولي التوفيق

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Mensyukuri Nikmat Allah Dengan Melindungi Alam Sekitar"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/5 Pt.7
Tarikh : 12 Zulkaedah 1444 / 01 Jun 2023